

Tokoh Pendidikan Islam Patani Kajian Kes Tuan Guru
Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali (Baba Yeh Tok Jum)
abdulramae.s@yru.ac.th

Abdul Ramae Sulong¹

Abstrak

Artikel penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji biografi Tuan Guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali (Baba Yeh Tok Jum) dan mengkaji sumbangan Tuan Guru terhadap masyarakat Islam Patani. Artikel penyelidikan ini adalah bersifat kualitatif yang menggunakan wawancara dan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Didapati bahawa Baba Yeh dan guru-guru lain telah memainkan peranan penting dalam masyarakat Islam di tiga wilayah sempadan selatan khususnya dan wilayah jiran dan memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat Islam khususnya dalam bidang pendidikan. Baba Yeh telah menubuhkan sebuah pondok yang beliau sebagai ketua kepada institusi pendidikan yang terkenal di Pattani dan mengajar sebanyak 13 disiplin ilmu seperti ilmu tauhid, bahasa Arab, tasauwuf dan lain-lain selama 35 tahun, sama dengan masa yang beliau telah belajar. Beliau sempat mengajar semua mata pelajaran yang beliau pelajari sehingga dapat menghasilkan pelajar daripada beberapa bahagian daripada Thailand seperti Pattani, Narathiwat, Yala, Songkhla, Satun, Phang Nga dan Bangkok. Sebahagian daripada mereka merupakan anak-anaknya sendiri dan juga menantu-menantunya. Sebahagian daripada muridnya menjadi guru pondok, pemimpin agama di berbagai kampung dan sebagainya. Di samping itu, beliau telah menerjemahkan buku "Risalah al-Mu'awanah" ke dalam bahasa Melayu dan menulis sebuah buku bagi menjawab soalan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Pattani.

Kata kunci: Pendidik Islam, Patani, Tuan Guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali

¹ Ph.D. (Islamic Civilization), Lecturer, Master of Teaching Islamic Education Program, Faculty of Education, Yala Rajabhat University

Islamic Educators of Patani: a Case Study of Tuan Guru

Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali (Baba Yeh Tok Jum)

abdulramae.s@yru.ac.th

Abdul Ramae Sulong¹

Abstract

This research article aimed to study Tuan Guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali (Baba Yeh Tok Jum) biography and to study his contributions to Patani Islamic society. This research article was a qualitative research which used interview and questionnaire to obtain the information. It was found that Baba Yeh and other teachers' had played the roles in Muslim societies, especially in the three southern border provinces and neighboring provinces and played the important roles in the development of Muslim society in education. Baba Yeh opened pondok as head of a famous educational institution in Pattani and taught 13 disciplines such as faith, Arabic language, tasauwuf and others for 35 years, equal to the time he had studied. He was able to teach all the subjects which he had studied so that he could produce competent students from many parts of Thailand like Pattani, Narathiwat, Yala, Songkhla, Satun, Phang Nga and Bangkok. Some of them are his own sons and daughters, and some of them are teachers of the Pondok, and they are teachers and religious leaders in various villages. In addition, he translated the book "Risalah al-Mu'awanah" into Malay language and written a collection of answers from the Islamic Commission of Pattani questions.

Keywords: Islamic Educators, Patani, Tuan Guru Haji Wan Idris Bin Haji Wan Ali

¹ Ph.D. (Islamic Civilization), Lecturer, Master of Teaching Islamic Education Program, Faculty of Education, Yala Rajabhat University

1. Biografi Tuan Guru Haji Wan Idris Bin Haji

Wan Ali

1.1 Kelahiran

Baba Haji Wan Idris bin Wan Ali dikenali sebagai Baba Yeh Tok Jum. Dilahirkan pada tahun 1344 H. (M 1923) di kampung Bendang Dalam, daerah Yarang, Pattani, Thailand. Nama penuh beliau ialah Haji Wan Idris bin Wan Ali yang mana ayahnya Wan Ali berasal daripada Kampung Sirih, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Ustaz Abdul Khalid Yusuf memberitahu penyelidik bahawa dia telah menerima maklumat dari Baba Yeh sendiri sepuluh hari sebelum kematiannya bahawa ayahnya berpindah dari Kelantan ke Pattani dan tinggal di Patani hingga meninggal dunia. Pada mulanya tinggal di kampung Prachan, daerah Yarang, wilayah Pattani kemudian berpindah ke kampung Sadawa daerah yang sama. (Abdulramae Sulong: 36)

Di kampung Sadawa, Wan Ali telah berkahwin dengan seorang janda bernama Hajah Khadijah binti Abdul Majid yang mempunyai seorang anak. Beliau merupakan anak perempuan kepada Tuan Guru Bendang Dalam. Sementara Haji Wan Idris bin Wan Ali sudah mendapat empat orang anak. Maka Haji Wan Idris bin Wan Ali merupakan anak bongsu kepada mereka berdua yang mana dilahirkan di rumah datuknya di kampung Bendang Dalam. Jadi, Baba Yeh mempunyai enam anggota keluarga. Empat orang daripada sebelah bapanya iaitu Wan Fatimah, Wan Ismail, Wan Zainab dan Wan Safiah dan seorang abang sebelah ibu bernama Wan Ismail. Beliau hidup dalam kehidupan yang terdiri daripada ahli keluarga yang berpengetahuan kerana datuknya,

Abdulwahhab, seorang Tuan Guru di Bendang Dalam. (Abdulramae Sulong: 36)

Pada tahun 1351 H (1930 M), beliau berpindah ke sebuah rumah di kampung Bakum dengan keluarganya. Mereka menetap di situ hingga beliau balik dari Makkah pada tahun 1389 H (1968 M). Kemudian beliau berpindah ke Daerah Tok Jom, yang merupakan tempat terletaknya Pondok Baba Yeh sekarang. Keluarga Baba Yeh merupakan keluarga berpindah dari satu tempat ke tempat lain, seperti yang dilakukan oleh para Imam dahulu, kata Abdul Karim, menantunya ketika menjelaskan mengenai keluarga Baba Yeh. (Abdulramae Sulong: 3637)

1.2 Personaliti

Baba Yeh merupakan seorang yang kakak, baik hati, yakin terhadap diri sendiri, suka kepada kebersihan dan penuh kasih sayang dengan harga diri yang tinggi. Penyelidik sendiri merupakan seorang kontemporari dengan beliau dan berkesempatan bertemu dengan beliau kira-kira selama lima tahun sebelum kematiannya. Beliau boleh dikatakan seorang yang tampan berkulit putih. Beliau mempunyai suara yang merdu, suka senyum, tetapi beliau tidak suka ketawa, rendah diri dan suka membantu orang miskin. (Abdulramae Sulong: 37)

Berdasarkan wawancara dengan beberapa orang muridnya dan juga kawan rapatnya mereka mengatakan bahawa Baba Yeh ialah seorang yang paling sedikit berbicara. Abdul Rasyid Chek Leh (wawancara, 31 Disember 2002) memberi tahu bahawa Baba Yeh adalah seorang yang kurang berbicara sejak kecil lagi, tidak suka bercakap melainkan hanya tentang perkara yang benar atau

hanya mengatakan jika perlu seperti bersapa ketika berjumpa dengan jiran-jiran. Ini bukan kerana beliau berbangga, tetapi ia merupakan sifat semula jadi beliau. Ciri unik ini membuat orang tidak berani menggoda beliau, walaupun kawan sebaya beliau atau kawan yang lebih tua daripada beliau.

Tentang pakaian Baba Yeh pula, Encik Derasid Chek Leh menceritakan bahawa beliau seorang yang selalu menutup aurat, beliau pastikan pakaiannya tidak terbuka sama ada di rumah atau di tempat kerja. Beliau juga selalu pakai kupiah atau membalut kepalanya dengan serban semasa bekerja. Menantunya, Zakaria Abdullatif (wawancara, 8 Februari 2003) memberitahu bahawa Baba Yeh tidak akan memakai baju yang belum diseterekakan dan beliau selalu memakai minyak wangi.

Abdullah Sulaiman (wawancara, 11 Januari 2003) adalah menantu Baba Yeh telah menceritakan bahawa Baba Yeh adalah orang yang mempunyai keupayaan untuk mengundang lawan supaya tertarik dengan beliau. Beliau sekurang-kurangnya dapat memikat orang lain melalui tingkah lakunya sendiri. Beliau berkawan dengan guru al-Quran semasa belajar di pondok Bendang Gucil di kerisik Patani dan penduduk kampung di sekitar itu.

Apabila ditanya tentang ciri-ciri Baba Yeh, Mahmud Waehaji (soal selidik, 11 Julai 2003) menceritakan bahawa beliau kagum dengan ajaran Baba Yeh yang menggunakan psikologi lebih daripada kekerasan terhadap pelajar. Kebanyakan pelajar tidak berkelakuan buruk di hadapan beliau. Adapun perkara yang tidak disenangi oleh

keluarganya terhadap Baba Yeh ialah beliau tidak suka merawat penyakit di hospital jika terjatuh sakait. Arifin Tamphu (soal selidik, 11 Julai 2003) mengatakan bahawa dia kagum terhadap Baba Yeh ialah seorang yang terhormat, berpengalaman dalam mengajar, mengasihi pelajar-pelajar yang datang dari jauh.

Ismail Mama' (soal selidik, 11 Julai 2003) menyebut apa yang dia kagum dengan Baba Yeh katanya beliau merupakan seorang alim yang hebat, sukar untuk mencari pengganti, seseorang yang merendah diri. Pada hari kematiannya terdapat ramai orang yang sembahyang jenazah dan berdoa untuknya. Jenazahnya dibawa ke kubur oleh orang kampung dan para muridnya tanpa mengguna pengusung.

1.3 Kehidupan Keluarga

Selepas Baba Yeh belajar di Makkah selama dua tahun, dia menghantar surat kepada keluarganya minta pulang ke rumah untuk mencari pasangan. Sepupunya, Seng Mama' (wawancara, 6 Disember 2002) memberitahu penyelidik bahawa pada mulanya, Baba Yeh dicadangkan untuk berkahwin dengan Aminah binti Haji Hamzah, putri kepada tuan guru Pondok Bakung Pittaya, tetapi permohonannya ditolak oleh keluarganya sendiri. Kemudian beliau dijodohkan dengan seorang gadis bernama Azizah binti Haji Senik yang berasal dari Nongcik Pattani.

Dengan Azizah bin Haji Senik, beliau mendapat 10 orang anak iaitu seperti berikut;

1. Abdullah

Abdullah adalah anak sulung sejak kematiannya di Makkah pada usia empat tahun

dan mayatnya dikebumikan di tanah perkuburan Ma'la.

2. Khadjjah

Beliau dilahirkan pada 2 Mei 1957 di Makkah. Dia dididik di Sekolah Padang Ru daerah Jaha, Wilayah Yala. Baba Yeh mengahwinkan putrinya ini dengan Tuan Ding sebagai menantu sulungnya. Selepas kira-kira 2 tahun perkahwinan, Tuan Ding Tuan Deng membuka pondok di Ban Khok Saya (Raja Bali), daerah Paluru, daerah Sunngai Padi. Kemudian Tuan Ding meninggal pada tahun 2002 setelah jatuh sakit selama kira-kira satu tahun dan dikebumikan di tanah perkuburan Tok Jum, Nongcik Pattani.

3. Aisyah

Aisyah dilahirkan pada 3 April 1959 di Makkah, dididik di Padang Ru dan berkahwin dengan anak tuan guru di situ bernama Haji Zakaria bin Abdul Rahmaan.

4. Halimah

Beliau dilahirkan di Makkah pada tahun 1961 mendapat didikan di pondok Baba Yeh sendiri. Kemudian, dia telah berkahwin dengan Muhammad Qasim Sama'e berasal daripada Bangrai, Nongcik, Pattani. Beliau merupakan menantu yang ketiga bagi Baba Yeh.

5. Nafisah

Beliau dilahirkan di Makkah dan dididik di Pondok Padang Ru hingga selesai di peringkat ibtida'i (sekolah rendah). Kemudian, beliau dikahwinkan dengan Baba Lah (Abdullah bin Sulaiman, berasal daripada Natawi dan memondok dengan Baba Yeh. Beliau merupakan menantu Baba Yeh sebagai orang yang pertama mengganti Baba Yeh).

6. Hamidah

Hamidah dilahirkan pada 21 Januari 1967. Beliau mendapat pendidikan di pondok Baba Yeh dan berkahwin dengan Abdul Karim Makdiah merupakan menantu yang kelima bagi Baba Yeh.

7. Zakiyah

Zakiyah dilahirkan pada 1 Februari 1973, berpendidikan di pondok Baba Yeh dan berkahwin dengan Zakaria Dumedae, yang merupakan menantu keenam bagi Baba Yeh.

8. Abdul Rahman

Abdul Rahman dilahirkan pada 20 Julai 1975. Selepas menamatkan pengajian darjah 6, Baba Yeh hantar beliau untuk belajar di Mesir, sejak dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti di Universiti al-Azhar.

9. Abdul Qadir

Abdul Qadir dilahirkan pada 25 Oktober 1979. Beliau mulai hafal al-Quran di Markaz al-Dakwah al-Islamiah Yala dan menamatkan hafalan 30 juzuk di Pakistan dan melanjutkan pengajian di peringkat alim di Markaz al-Dakwah al-Islamiah Yala.

10. Ismail

Ismail dilahirkan pada 21 Disember 1982, merupakan anak bongsu Baba Yeh. Beliau mulai hafal al-Quran di Markaz al-Dakwah al-Islamiah Yala selama 1 tahun kemudian belajar di Pondok Krasak 1 tahun. Setelah itu beliau menamatkan hafalan al-Quran di Pakistan. Selepas itu, beliau kembali belajar di Padang Pusu, Daerah Muang, Wilayah Pattani. (Abdulrae Sulong: 40-41)

1.4 Sejarah Pendidikan

1.4.1 Pendidikan Asas

Baba Yeh mulai belajar al-Quran pada usia 10 tahun. Pada tahun 1354 H (1933), beliau memulakan pengajiannya dengan bapa saudaranya Haji Wan Nik di Bendang Dalam selama 4 tahun. Di situ, beliau menghafal matan Al-Ajrumiyah karangan Al-Shanhaji dan matan Al-Izzi karangan Mala Abdullah al-Dangqasi.

1.4.2 Pendidikan di Pondok

Pada tahun 1358, beliau berusia 14 tahun, mula belajar di pondok Bendang Gucil dengan Haji Abdullah bin Haji Wan Muhammad Saleh. Beliau belajar kira-kira 10 tahun yang mana kebanyakannya dalam Bahasa Melayu Jawi seperti Matan Ummu al-Barahim, Faridah al-Faraid, Munyat al-Musalli, Matan al-Ajrumiyah dan sebagainya. Selepas gurunya, Haji Abdullah bin Haji Wan Muhammad Saleh meninggal dunia kira-kira 1947, beliau sambung belajar di dua buah pondok dalam masa yang sama secara berulang alik, iaitu pondok Bendang Gucil dan pondok Semela selama setahun lebih. Setelah itu, beliau terus sambung pengajiannya di luar negara. (Temuduga Wan Daud bin Abdul Qadir, 9 Januari 2003).

1.4.3 Pendidikan di Luar Negara

Pada tahun 1370 H (1949), beliau pergi ke Makkah semasa berusia 26 tahun untuk belajar bersama dengan ayah, abang dan isterinya bernama Aminah binti Muhammad. Mereka menaiki kapal laut di wilayah Narathiwat. Baba Yeh belajar di Makkah selama 19 tahun. Setelah Syeikh Abdul Qadir al-Mandaili meninggal dunia selama 9 tahun beliau dibenarkan supaya mengajar di

Masjid al-Haram dengan mendapat ijazah daripada para gurunya seperti Syeikh Abdul Qadir al-Mandaili, Syeikh Yasin Al-Fadani dan lain supaya mengajar segala ilmu yang beliau pelajari. (Abdulramae Sulong: 42-44)

2. Para Guru dan Murid Yang Masyhur

Baba Yeh belajar di 4 tempat, iaitu pondok Bendang Dalam, pondok Bendang Gucil, pondok Semela dan di Makkah al-Mukarramah. Yang mana sebahagian gurunya seperti berikut.

2.1 Para Guru

Haji Wan Nik merupakan tuan guru di pondok Bendang Dalam yang beliau belajar selama 4 tahun. Haji Abdullah bin Haji Muhammad Saleh sebagai tuan guru ke dua beliau semasa belajar di pondok Bendang Gucil. Tuan guru ke tiganya ialah Pakda El (Wan Ismail bin Wan Abdul Qadir) merupakan seorang tokoh ilmu usuluddin. Syeikh Abdul Qadir al-Mandaili berasal daripada Indonesia dan menetap di Makkah juga merupakan guru beliau yang alim dalam berbagai bidang ilmu seperti ilmu tafsir, aqidah, fiqh, bahasa Arab, tasauwuf dan lain-lain. Selain itu, beliau juga berguru dengan syiekh Muhammad Yasin al-Fadani yang sangat alim dalam bidang hadis dan bergiat dalam penulisan yang mana terdapat 60 buah kitab yang ditulis oleh beliau. Antara guru yang berbangsa Arab seperti Syiekh Muhammad Hasan al-Masyat, Syeikh al-Saiyid Alawi al-Maliki dan Al-Saiyid Amin al-Kutbi.

2.2 Para Murid Yang Masyhur

Antara muridn Baba Yeh yang masyhur ialah Baba Haji Abdul Qadir Taqaddam, pengasas sekolah pondok Taqaddam, Nongcik, Pattani.

Beliau sempat belajar lebih kurang 6 tahun semasa di Makkah. Aziz Phitakkumpun yang mana beliau sempat belajar dengan Baba Yeh selama 1 tahun sahaja kerana telah belajar di tempat lain. Sekarang beliau menjawat jawatan Syeikhul Islam Thailand. Sebelum ini beliau menjadi yang di pertua Majlis Agama Islam Wilayah Songkla. Menantunya Baba Tuanding Tuan Deng yang membuka pondok di Koksaya, Sungai Padi. Menantu ke duanya Baba Abdullah bin Sulaiman yang menggantikan Baba Yeh setelah beliau meninggal dunia. Baba Zakaria menantunya yang ke tiga dan lain-lain.

3. Pembelajaran

Baba Yeh tidak pernah poteng kelas semasa belajar di Makkah (wawancara Baba Lah, 11 Januari 2003). Beliau merupakan seorang yang rajin dan sabar dalam setiap bidang yang diceburinya, khususnya dalam bidang pengajian yang mana beliau tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak, oleh itu beliau mesti bekerja sendiri untuk menyara keluarga dan dirinya sendiri di samping belajar (wawancara Baba Abdul Qadir Taqaddam, 29 Julai 2003).

Baba Yeh belajar di Makkah seperti pelajar-pelajar lain sama ada di Patani atau di Makkah iaitu mengguna sistem pembelajaran secara halqah. Ini bermaksud belajar beramai-ramai dengan seorang guru tanpa membahagi kelas, semua peringkat pelajar belajar di bawah seorang guru. Biasanya pelajar hanya mendengar syarahan guru dan tidak bertanya. Mereka mencatat syarahan yang diberikan oleh guru sama ada berbentuk makna perkataan yang rumit atau

huraian-huraian tambahan (wawancara Baba Abdul Rasyid Carak Kerian, 16 Julai 2003).

3.1 Bidang Ilmu Yang Dipelajari

Mengenai hal ini pengkaji mendapat maklumat daripada beberapa orang kawan Baba Yeh semasa belajar di Patani seperti Seng Mama' sepupunya dan Abdul Qadir Husin, kawan semasa belajar di Pondok Semela dan juga kawan beliau di Makkah seperti Baba Haji Abdul Qadir bin Hamzah dan Baba Abdul Rasyid Carak Kerian. Dari maklumat tersebut didapati bahawa Baba Yeh belajar berbagai ilmu fardu ain dan fardu kifayah seperti berikut;

Bilangan	Bidang Ilmu	Buku dan Penulis
1	Tafsir	Tafsir al-jalain (A), Ibn kathir (A), Al-Qurtubi (A),
2	Usul al-Tafsir	Faid al-khabir (A),
3	Hadis	Sahih al-Bukhari (A), Sahih Muslim (A), Sunan Abi Daud (A), Ibnu Majah (A), Al - Nasa'i (A), Sunan Tarmizi (A), Subul al-Salam (A), Al-Azkar al-Nawawiah (A), Kash al-Ghaibiah (A), Riad al-Salihin (A), Muhimmah pada Bicara Ilmu hadith Nabi (M),

Bilangan	Bidang Ilmu	Buku dan Penulis
4	Mustalah al-Hadis	Al-Manzumah al-Baiquniah (A), Raf al-Astar (A),
5	Fiqh	Al-Bajuri (A), Al-Iqna (A), Al-Mahalli / Qalyubi wa Umairah (A), Al-Nihayah (A), Al-Sittin (A), Fath al-Wahhab (A), I anah al-Talibin (A), Kashf al-Litham (M), Kifayat al-Ghulam (M), Kifayat al-Muhtadi (M), Matla al-Badrin (M), Math al-Zubad (A), Minhaj al-Salam (M), Munityat al-Musalli (M), Safinah al-Tahhir (A), Sharqawi ala al-Tahrir (A)
6	Usul al-Fiqh	Al-luma (A), Hashiyat al-Nafahat ala Sharh al-Waraqat (M), Lata'if al-Isharat (A),
7	Al-Faraid	Matn al-Rahbiah (A)
8	Al-Nahu	Matn al-Ajrumiah (A), Mutammimat al-Ajrumiah(A), Al-Fawaqih

Bilangan	Bidang Ilmu	Buku dan Penulis
		al-janiah (A), Al-Kawakib (A), Al-Mukhtasar (A), Al-shaikh Khalid al-Azhari (A), Al-Shujaa' ala al-qair (A), Hashiyah ala Shah al-Azhariyah (M), Ibn 'Aqil (A), Sharh al-Ushmuni (A), Al-Kailani (A),
9	Al-Sarf	Al-Tafiazani (A), Lamiat al-Afal (A), Matn al-Bina Wa al-Asas (A), Matn al-Maqsud (A), Shuzur al-Zahab (A),
10	Al-Balaghah	Al-Jauhar al-Maknun (A)
11	Usuluddin	Al-Durr al-Thamin (M), Al-Dusuqi (A), Al-Maqlat (A), Aqidat al-Najin (M), Bidayat al-Hidayah (M), Faridat al-Fara'id (M), Hidayat al-Sibyan (M), Jauharat al-Tauhid (A), Kifayat al-Awwan (A), Matn Umm ai-Barahim (A), Sharqawi ala al-Hudhudi (A), Siraj al-Huda Sharh Umm al-

Bilangan	Bidang Ilmu	Buku dan Penulis
		Barahin (M), Usul al-Tauhid (M),
12	Tasawuf	Al-Durr al-Nafis (M), Al-Hikam (M), Al-Ihya' (A), Al-Qushairi (A), Anak Kunci Shurga (M), Manhal al-Safi (M), Minhaj al - Abidin (A), Minhaj al - Abidin (M), Nukhbah al-Musalsalah li Sharh Tuhfat al-Mursalah (A), Penawar Bagi Hati (M), Qatr al-Ghaithiyah (M), Risalat al-Mu'awinah (A), Sair al-Salikan (M), Wishah al-Afrah (M),
	Fiqh , Usuluddin, Tasawuf	Al-majmu ' al-Talathah (M), Jam ' Jawami al-Musannafat (M)
13	Falak	Hisab al-Falakiyin (A), (Taqrīb al-Mubtadin (Taqrīb al-Rubu' al-mujib (M)

Sumber: (Abdulramae Sulong: 58-66)

Dari jadual di atas didapati bahawa Baba Yeh telah mempelajari sebanyak 13 ilmu melalui 92 buah kitab yang mana beliau belajar secara berguru semua bab yang terkandung dalam kitab-kitab itu bukan secara tebuk.

4. Jadual Belajar Mengajar di Makkah

Selain daripada belajar di Makkah Baba Yeh juga berkesempatan mengajar di Masjid al-Haram kerana para gurunya mengakui bahawa beliau betul-betul berpengalaman lalu beliau diijazahkan supaya mengajar dalam Masjid al-Haram. Selain itu beliau juga mengajar di rumahnya sendiri (wawancara Baba Abdul Rasyid, 16 Januari 2003; wawancara Baba Abdul Qadir Hutan Agu, 22 Julai 2003) seperti jadual berikut;

Masa	Guru	Tempat
9.00-11.00	Syiekh Abdul Qadir al-Mandili	Masjid al-Haram
9.00-12.00	Syiekh Mahmud bin Haji Ahmad	Rumahnya di Syib Ali
Selepas solat Zuhur	Tidak belajar kerana panas	
Selepas solat Asar	Syiekh Abdul Qadir al-Mandili	Masjid al-Haram
Selepas solat Maghrib	Syeikh Muhammad Hasan al-Massyatdan Syekh Syaivid	Jalan ke masjid di bawah sutuh Bab al-Salam Masjid al-Haram

	Alawi al-Maliki	
Selepas solat Isya'	Syiekh Abdul Qadir al-Mandili	Jalan ke masjid di bawah sutuh Bab al-Salam Masjid al-Haram

Sumber: (Abdulramae Sulong: 57)

Pengkaji percayai bahawa Baba Yeh belajar lebih daripada kenyataan di atas kerana masa yang agak lama dan masih ada beberapa orang guru yang belum disenaraikan dalam jadual ini.

5. Karya dan Terjemahan

Selain daripada mengajar, Baba Yeh juga bergiat dalam menulis, menterjemah buku dan menyalin beberapa buah buku untuk digunakan dalam pengajiannya. Berdasarkan temu bual, penyelidik mengetahui bahawa Baba Yeh telah menulis sebuah buku, menterjemahkan sebuah buku dan menyalin tiga buah buku untuk belajar. Buku-buku tersebut ialah;

5.1 Buku bagi menjawab soalan-soalan dari Majlis Agama Islam Pattani. Buku ini ditulis sebagai tindak balas kepada dua soalan dan diakhiri dengan beberapa faedah. Soalan pertama tentang upacara berkumpul untuk membaca Qulhuallah di rumah si mati atau membaca al-Quran dan zikir. Soalan kedua adalah mengenai hukum menunggu kubur dan membina bangunan dalam tanah perkuburan. Buku ini dicetak pada tahun 1393 H (1972) di Percetakan Pustaka Abadi Pattani.

5.2 Buku Catatan

Baba Yeh tidak menyatakan bila beliau mulai menulis, tetapi dipercayai bahawa beliau mulai catat sejak beliau belajar di Makkah antara tahun 1370-1389 H atau kira-kira tahun 1949-1968 M. Baba Yeh mengijazahkan segala isi kandungannya kepada pelajar-pelajar dan mereka yang berminat. Buku ini mengandungi masalah khilaf mengikut pandangan ulama, cara memagar diri, doa-doa untuk kesihatan dan kebaikan dan sebagainya. Isinya berjumlah 120 muka surat.

5.3 Terjemahan

Baba Yeh menterjemah buku Thimar al-Jannah fi Tarjamah Risalah al-Mu'awanah yang dikarang oleh Syeikh Abdullah bin Alawi bin Muhammad al-Haddad. Buku ini membicarakan mengenai ilmu tasawuf yang berhubung dengan etika dan perwatakan yang baik. Buku ini selesai diterjemahkan pada hari Ahad 27 Zulhijjah 1385 H (1964) di Masjid al-Haram semasa belajar di Makkah dan diedit oleh Tuan Guru Mahmud bin Muhammad Lasat. Ia mempunyai 130 muka surat yang terdiri daripada 36 bab dan telah diterbitkan pada tahun yang sama. Kemudian, buku ini menjadi buku teks di pondok Baba Yeh hingga kini.

Buku ke dua ialah buku Al-Manhal al-Safi fi Rumz Ahl al-Sufi merupakan buku salinan yang membicarakan tentang ilmu tasawuf tanpa penulis. Baba Yeh menyelesaikan salinan buku ini pada hari Jumaat Rabi'ulawal tahun 1379 H (1958) kemudian belajar dengan Haji Abdul Rahman bin Daud Peda pada bulan Rabi'ulakhir 1379 H.

6. Kemahiran

Baba Yeh merupakan seorang tuan guru yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai aspek ilmu seperti ilmu fiqh, hadis, tatabahasa Arab, tasawwuf dan sebagainya. Berdasarkan data yang diperoleh oleh para pelajarnya, beliau mahir dalam bidang fiqh Syafi'e lebih daripada ilmu-ilmu lain (Soal Selidik Mahmud Waehaji, 20 Jun 2003). Ini kerana dapat diperhatikan semasa beliau mengajar dan semasa beliau menjawab soalan kemudian diikuti oleh ilmu, tasawwuf, tatabahasa Arab dan ilmu usuluddin. Ilmu hadis juga merupakan suatu ilmu yang beliau suka mengajar kerana kalau diminta belajar ilmu ini, beliau terus sanggup mengajar sekalipun beliau sibuk (Wawancara Tuan Ding Tuan Deng, 24 Disember 2003).

7. Pekerjaan

Baba Yeh merupakan seorang yang miskin kerana dilahirkan dalam keluarga yang miskin. Pernah membantu keluarga menanam padi. Semasa belajar di Pondok Bendang Dalam beliau mulai menjual ubat tradisional yang dibuat daripada akar kayu untuk menampung keperluan beliau di pondok. Beliau mendapat ilmu ini daripada ayahnya sendiri yang menjadi bomoh kampung (Wawancara Abdul Rasyid Chek Leh, 31 Disember 2002)

Semasa belajar di Makkah al-Mukarramah beliau digelar sebagai "Al-Khaiyyat" bermaksud tukang jahit kerana beliau menjahit kupiah sebagai sumber rezki dan menyara keluarga. Beliau menjahit pada waktu malam selepas belajar yang kebiasaannya mendapat 3-4 halai kupiah sehari. Pada waktu pagi beliau menjual kupiah tersebut

untuk mendapat duit bagi membeli barang-barang yang perlu. Hal ini dilakukan secara terus menerus hingga tamat belajar kerana tidak mendapat bantuan daripada mana pihak (Wawancara Syeikh Daud Tok Jum, 29 Julai 2003).

8. Hubungan dengan Ulama Semasa

Baba Yeh mempunyai hubungan yang baik dengan para ulama kotemporari. Beliau selalu memberi nasihat kepada pelajar-pelajar dan kawan-kawan dan selalu memberi pertolongan kepada orang yang susah (Wawancara dengan Baba Abdul Qadir Taqaddam, 29 Julai 2003). Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan setiap lapisan khususnya dengan mereka yang lebih tua kerana pada masa itu para tuan guru yang lebih tua daripada beliau masih ramai. Di samping itu, beliau dipilih menjadi ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani semasa diketuai oleh Baba Haji Yusuf Bin Musthafa dan Baba Abdul Wahab Abdul Wahab (wawancara Abdul Qadir Husin, 26 Januari 2003).

9. Kematian

Pada petang hari Jumaat 18 Jamadil Akhir 1416 H bersamaan 10 Disember 1995 beliau meninggal dunia pada pukul 17.20 petang di rumahnya sendiri. Jenazanya disolat pada hari Sabtu pukul 9.00 pagi, oleh kurang lebih 5,000 orang. Beliau dikebumikan di tanah perkuburan Tok Jum, Nongcik, Pattani. (Abdulramae Sulong: 72-73)

Rujukan

- Abdul Qadir Husin. (2003, Januari 26). Kawan Semasa Belajar di Pondok Semela. Wawancara.
- Abdul Rasyid Chek Leh. (2002, Disember 31). Jiran Baba Yeh. Wawancara.
- Arifin Tamphu. (2003, Julai 11). Guru Agama. Soal Selidik.
- Baba Abdul Qadir Hutan Agu. (2003, Julai 22). Baba Sekolah Bakong Pittaya Nongcik. Wawancara.
- Baba Abdul Qadir Taqaddam. (2003, Julai 29). Baba Sekolah Satsamakhi Nongcik. Wawancara.
- Baba Abdul Rasyid Carak Kerian. (2003, Julai 26). Tuan Guru Pondok Dar al-Hadith, Carak Kerian. Wawancara
- Baba Lah (Abdullah Sulaiman). (2003, January 11). Menantu Ke Empat Baba Yeh dan Pengganti Baba Yeh Orang Pertama. Wawancara.
- Baba Mud (2003, Julai 11). Tuan Guru Pondok Wittaya Islam dan Ahli Jawatan Kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani. Soal Selidik.
- Seng Mama' (2002, Disember 6). Sepupu Baba Yeh dan Kawan Semasa Belajar di Pondok Bendang Gucil. Wawancara
- Ismail Mama' (2003, Julai 11). Guru Mengajar Agama di Pondok Baba Yeh. Soal Selidik.
- Tuan Ding Tuan Deng. (24 Disember 2003, Disember 24). Menantu Baba Yeh Yang Pertama dan Tuan Guru Pondok Wattanasan, Sungai Padi. Wawancara.
- Zakaria Abdullatif (2003, Februri 8). Menantu Baba Yeh Yang Ke Enam dan Pengganti Baba Yeh Selepas Baba Lah. Wawancara